



# Menepuk air di dulang



INSAN  
360°

DR ZAFIR KHAN  
MOHAMED MAKHUBUL

Pilihan untuk menyimpan sesuatu rahsia yang berlaku dalam organisasi terletak di tangan seseorang individu. Ia juga bergantung kepada prinsip diri yang sering dikaitkan dengan integriti dan akauntabiliti.

Pastinya, risiko bakal menanti jika kita memilih bercerita kepada pihak luar segala kejelekan yang berlaku dalam organisasi. Sebarang cerita sama ada telah atau belum disahkan kebenarannya yang dihebahkan kepada pihak luar boleh menjejaskan nama baik dan imej organisasi. Dalam jangka masa panjang, ia memberi impak besar kepada masa depan organisasi. Paling dibimbangi ia akan menjejaskan produktiviti dan menyebabkan organisasi ditutup.

Teori dan kajian dalam organisasi

menemukan satu aplikasi komunikasi tidak formal yang dikenali sebagai khabar angin. Khabar angin boleh dibezakan daripada jenis-jenis komunikasi formal yang lain kerana ia mempunyai ciri-ciri yang tersendiri.

Pengkaji telah meneliti khabar angin dan mendapati wujud sekurang-kurangnya dua bentuk rangkaian khabar angin iaitu rantaian gosip dan rantaian kelompok. Dalam rantaian gosip, mesej berpunca daripada satu sumber atau seorang individu yang menyebarkannya kepada sekumpulan individu lain.

Dalam rantaian kelompok pula, terdapat beberapa sumber atau orang yang bertanggungjawab menyebarkan mesej. Akibat terlalu asyik dan seronok berkongsi cerita dengan orang luar tentang hal dalaman organisasi, kita mungkin lupa yang kita sedang membuka pekung di dada dan menyebabkan ia tular secara pantas.

Penularan khabar angin boleh dikaitkan dengan istilah yang semakin hangat masa kini iaitu menggetah bawang. Dalam era perkembangan teknologi komunikasi, aktiviti menggetah bawang telah dinaik taraf melalui gajet pintar dan tidak

*Penularan khabar angin boleh dikaitkan dengan istilah yang semakin hangat masa kini iaitu menggetah bawang.”*

hanya berlaku secara bersemuka.

Penularan khabar angin dalam sesebuah organisasi menggambarkan beberapa keadaan. Pertama, ia menjadi petunjuk tentang apa yang sebenarnya telah terjadi dalam organisasi. Jika warga tidak berpuas hati, nescaya mereka akan berbual atau berbincang mengenainya walaupun dalam situasi yang tidak formal.

Kedua, khabar angin menggambarkan luahan rasa warga terhadap organisasi. Luahan itu berkemungkinan boleh membantu pengurus membuat penambahbaikan untuk jangka panjang. Ketiga, khabar angin yang tular boleh mempengaruhi persekitaran sosial dan kualiti kerja. Khabar angin yang tersebar sedikit sebanyak mengganggu emosi dan moral warga secara keseluruhannya. Ia juga boleh

mencetuskan sempadan dalam menggariskan norma-norma sosial di tempat kerja seperti apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seseorang pekerja.

Keempat, penularan khabar angin menunjukkan kelemahan organisasi mengoptimalkan penggunaan saluran komunikasi formal untuk menyalurkan maklumat dalam kalanganarganya.

Khabar angin yang disebarkan oleh warga organisasi sama ada kepada pihak dalam dan luar organisasi perlu difikirkan sedalam-dalamnya sebelum ia menjadi barah. Warga adakalanya memanipulasikan maklumat dalam khabar angin berdasarkan kepentingan diri mereka sendiri.

Kebiasaannya tiada pihak yang mahu bertanggungjawab dalam penyebaran khabar angin. Justeru, harus diingat menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri. Menceritakan cacat cela organisasi kepada orang luar, akhirnya diri sendiri yang akan menanggung akibatnya.

*\* Profesor Dr Zafir Khan Mohamed Makbul ialah Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia*